

Headline	TNB nafi meter digital bebankan rakyat		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	02 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Berita	Circulation	231,163
Page No	N4	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	202 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,506
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,518



TNB nafi meter digital bebankan rakyat

Alor Setar: Tenaga Nasional Berhad (TNB) menafikan dakwaan penggunaan meter digital, termasuk di Kedah menyebabkan pengguna terpaksa membayar lebih bagi setiap kilowatt (kw) elektrik yang digunakan.

Perkara itu dinyatakan Pengurus Besar TNB Kedah, Suid Othman, susulan aduan diterima pihaknya berhubung dakwaan kenaikan caj terpaksa ditanggung pengguna yang mengaitkannya dengan meter baru.

“Memang kita terima banyak aduan mengenai perkara itu, namun ia bukan berpunca daripada penukaran meter. Bacaan direkodkan oleh meter baru ini jauh lebih tepat dan jitu.

“Jika ada peningkatan dalam caj, kita percaya mungkin ia disebabkan meter lama yang sebelum ini tidak merekod bacaan tepat,” katanya kepada pemberita sempena Majlis Mesra Aidilfitri TNB, di sini.

Sempena majlis itu, TNB turut menyediakan Anugerah

Persaraan kepada 48 bekas kakitangan TNB yang bersara pada tahun lalu selain meraikan 50 anak yatim dari seluruh negeri.

Hadir sama, Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Tenaga, Perumahan dan Pembangunan Insan Kedah, Badrulhisham Hashim serta Pengurus Jawatankuasa Sains, Inovasi dan Teknologi Maklumat, Komunikasi dan Teknologi Tinggi negeri, Nor Sabrina Mohd Noor.

120,000 meter dipasang

Sementara itu, Suid berkata, sehingga kini, kira-kira 120,000 meter digital sudah dipasang daripada 600,000 pengguna di seluruh Kedah.

“Ketika ini, proses penukaran kepada meter digital masih dijalankan dan kita dapat iaitu tidak menimbulkan sebarang masalah kepada pengguna walaupun ada segelintir mendakwa menanggung kos yang lebih susulan penggunaannya,” katanya.



Badrulhisham (kiri) **beramah mesra** dengan kakitangan TNB pada Majlis Mesra Aidilfitri TNB di Wisma TNB.

[FOTO AZHAR RAMLI/ BH]